

**FAKTOR-FAKTOR PEMILIHAN KURSUS DAN MASALAH-MASALAH
PEMBELAJARAN DALAM MEMPENGARUHI PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR TINGKATAN 4 ALIRAN TEKNIKAL DI TIGA BUAH SEKOLAH
MENENGAH TEKNIK DI NEGERI SEMBILAN**

**PROF. MADYA DR. AZIZI HJ. YAHAYA
NORHASHIMAH BT ISMAIL
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai Johor**

ABSTRAK : Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor pemilihan kursus dan masalah-masalah pembelajaran dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Seramai 225 orang pelajar aliran teknikal tingkatan 4 di tiga buah Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Kajian ini menggunakan satu set soal selidik untuk mengumpul data dan maklumat. Data yang didapati dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*) versi 11.5. Analisis data ini diterangkan secara kekerapan, peratusan dan min. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah $\alpha = 0.84$. Hasil kajian mendapati min keseluruhan bagi faktor-faktor pemilihan kursus dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar adalah 4.17. Manakala min keseluruhan bagi dan masalah-masalah pembelajaran dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar adalah 4.00. Oleh itu, jelas membuktikan bahawa faktor-faktor pemilihan kursus dan masalah-masalah pembelajaran mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Justeu itu, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan lagi pencapaian akademik pelajar Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan.

ABSTRACT : This research was carried out to identify the factors of course choices and the problems in learning process that influencing the academic achievement of students. The factor of course choices is identifying as family factor, friends of same age factor and the factor of students' interest. A total of 225 form four students from technical course in three schools at Negeri Sembilan namely Sekolah Menengah Teknik Tunku Jaafar, Sekolah Menengah Teknik Ampangan and Sekolah Menengah Teknik Port Dickson have been selected at random as respondents in this research. A set of questionnaires were used to collect data and information. It was then analyzed by using SPSS (*Statistical Package For Social Science*) version 11.5. The data analysis has been done base on frequency, percentage and mean. The reliability of this instrument was $\alpha = 0.84$. The finding revealed that overall mean of the significance of the factors of course choices that influencing the academic achievement of students is 4.17. While overall mean of the problems in learning process that influencing the academic achievement of students is 4.00. As a result, it was proved that the factors of course choices and the problems in learning process that influencing the academic achievement of students. Therefore, a few suggestions were decided to increase the academic achievement of students in Sekolah Menengah Teknik at Negeri Sembilan.

1.0 Pengenalan

Perkembangan yang pesat dalam sektor perindustrian menjadi pendorong utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Perubahan ini telah mengakibatkan berlakunya kekurangan tenaga kerja dalam pelbagai sektor yang membantu pertumbuhan ekonomi seperti bidang kedoktoran, bidang kejuruteraan serta di dalam bidang sains komputer. Hakikat ini telah mendorong kerajaan untuk menambah peruntukan dalam belanjawan negara kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membina lebih banyak lagi Sekolah Menengah Teknik (SMT) di seluruh negara (Yahya, 1993).

Seiring dengan kehendak ekonomi negara yang memerlukan lebih ramai pakar dalam bidang teknologi sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan yang terkandung di antara sembilan cabaran wawasan 2020, bebanannya mestilah ditanggung bersama oleh pihak kerajaan dan rakyat keseluruhannya. Oleh yang demikian, harapan untuk melahirkan generasi yang berteknologi adalah bergantung kepada produk negara iaitu pelajar-pelajar di sekolah. Pelbagai pakej telah disediakan untuk pelajar-pelajar tingkatan empat, dalam membuat pilihan secara khusus sebelum mereka melangkah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Salah satu pakej yang disediakan adalah termasuk bidang teknikal dan kejuruteraan iaitu pengkhususan terhadap bidang kejuruteraan dan vokasional.

Para pelajar yang memohon dan berjaya memasuki Sekolah Menengah Teknik adalah mereka yang bakal menceburi kerjaya dalam bidang teknologi dan jika berkelayakan akan melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pemilihan pelajar ke sekolah menengah teknik ini adalah berdasarkan kepada pilihan yang mereka buat serta bersandarkan kepada pencapaian mereka dalam memenuhi syarat-syarat tertentu dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Kementerian Pendidikan Malaysia (1982). Mereka yang berjaya akan ditawarkan untuk mengikuti kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan iaitu sama ada dalam bidang Pengajian Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik ataupun Kejuruteraan Mekanikal di Sekolah Menengah Teknik (SMT) seluruh negara.

Adakalanya seseorang pelajar tidak dapat memenuhi impian mereka untuk mengikuti jurusan yang diminati kerana faktor-faktor tertentu. Faktor-faktor tersebut antaranya adalah disebabkan oleh banyaknya persaingan untuk mengikuti sesuatu jurusan, permohonan yang tidak memenuhi syarat seperti yang ditetapkan ataupun disebabkan pelajar tersebut terpaksa menurut kehendak ibubapa atau keluarga. Pelajar-pelajar yang ditawarkan untuk mengikuti jurusan yang dipohon pula, ada di antaranya yang telah membuat pilihan yang tidak tepat disebabkan oleh kurang pengalaman dalam membuat keputusan, ataupun kurang keyakinan diri. Di samping itu, rakan sebaya juga kadang kala memainkan peranan dalam mempengaruhi seseorang pelajar membuat pilihan.

Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional juga masih terasing. Pelajar masih keliru dan kabur tentang apakah kepentingan atau keperluan mereka memasuki sekolah beraliran teknik dan vokasional. Sebahagiannya memang mendapat keputusan kurang cemerlang, atau dibelenggu faktor kemiskinan, atau mungkin tidak nampak peluang. (Wahid Hashim, 2007)

2.0 Penyataan Masalah

Walaupun mereka yang berjaya mendapat tempat di SMT adalah merupakan pelajar-pelajar yang terpilih berasaskan kelayakan, prestasi yang ditunjukkan di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tidaklah menepati sesuatu yang membanggakan. Oleh yang demikian, penyelidik melakukan kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar memilih kursus, mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tingkatan empat di tiga buah Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan. Dalam pemerhatian penyelidik, terdapat tiga faktor yang di kenalpasti dalam mempengaruhi pelajar dalam membuat pilihan kursus sebelum memasuki Sekolah Menengah Teknik. Dengan faktor-faktor yang di kenalpasti ini, dapatlah penyelidik membuat hubung kait di antara pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik. Penyelidik juga menyenaraikan tiga masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik yang menjadi masalah kepada pelajar semasa mereka menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di Sekolah. Apabila masalah-masalah tersebut dikenalpasti, maka pihak yang terbabit dapat mengambil tugas masing-masing dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik.

3.0 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk :

- (i) Menenalpasti faktor-faktor yang utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar dalam pemilihan kursus pelajar di Sekolah Menengah Teknik.
- (ii) Menenalpasti masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah penguasaan Bahasa Inggeris, masalah penguasaan dalam terminologi kejuruteraan dan masalah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil di Sekolah Menengah Teknik.
- (iii) Menenalpasti tahap pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik.
- (iv) Menenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar di Sekolah Menengah Teknik mengikut jantina.
- (v) Menenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar di Sekolah Menengah Teknik mengikut kursus.
- (vi) Menenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara faktor- faktor dominan seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik.
- (vii) Menenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar terhadap kursus yang diambil dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik.

- (viii) Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar terhadap kursus yang diambil di Sekolah Menengah Teknik mengikut jantina.
- (ix) Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah penguasaan dalam Bahasa Inggeris, masalah penguasaan dalam terminologi kejuruteraan dan masalah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil di Sekolah Menengah Teknik mengikut kursus.

4.0 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan supaya penyelidik dapat menghuraikan beberapa persoalan yang timbul seperti :

- (i) Apakah faktor-faktor yang utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar dalam pemilihan kursus pelajar di Sekolah Menengah Teknik?
- (ii) Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah penguasaan Bahasa Inggeris, masalah penguasaan dalam terminologi kejuruteraan dan masalah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil di Sekolah Menengah Teknik?
- (iii) Apakah tahap pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik?
- (iv) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik?
- (v) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar di Sekolah Menengah Teknik mengikut jantina?
- (vi) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar di Sekolah Menengah Teknik mengikut kursus?
- (vii) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara masalah yang dihadapi oleh pelajar terhadap kursus yang diambil dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik?
- (viii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar terhadap kursus yang diambil di Sekolah Menengah Teknik mengikut jantina?
- (ix) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah penguasaan dalam Bahasa Inggeris, masalah penguasaan dalam terminologi kejuruteraan dan masalah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil di Sekolah Menengah Teknik mengikut kursus?

5.0 Hipotesis Kajian

Berikut merupakan hipotesis- hipotesis nol kajian yang diuji dalam kajian ini:

- H₀₁ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor utama seperti faktor keluarga, faktor pengaruh rakan sebaya dan faktor minat pelajar dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik.
- H₀₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar di Sekolah Menengah Teknik mengikut jantina.
- H₀₃ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar di Sekolah Menengah Teknik mengikut kursus.
- H₀₄ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah penguasaan dalam Bahasa Inggeris, masalah penguasaan dalam terminologi kejuruteraan dan masalah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik.
- H₀₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah penguasaan dalam Bahasa Inggeris, masalah penguasaan dalam terminologi kejuruteraan dan masalah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil di Sekolah Menengah Teknik mengikut jantina.
- H₀₆ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah penguasaan dalam Bahasa Inggeris, masalah penguasaan dalam terminologi kejuruteraan dan masalah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil di Sekolah Menengah Teknik mengikut kursus.

6.0 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan dapat memberikan gambaran kepada ibu bapa terhadap peluang untuk anak-anak mereka melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Teknik khusus kepada mereka yang mempunyai kelayakan dan mendapat kelulusan yang baik dalam peperiksaan PMR. Bagi pelajar yang masih berada di Sekolah Menengah Rendah (SMR) yang berhasrat untuk memasuki Sekolah Menengah Teknik, kajian dapat memberi pengertian bahawa kursus yang dipilih untuk memasuki Sekolah Menengah Teknik akan mendorong mereka dalam membina kerjaya pada masa hadapan. Bagi tujuan tersebut, pelajar mestilah memilih kursus yang benar-benar dirasakan sesuai dengan minat, kemahuan dan kebolehan mereka dan bukannya dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang mana kadangkala tidak sesuai dengan kehendak dan kesediaan pelajar.

Kepada pihak yang bertanggungjawab dalam memilih pelajar yang layak melanjutkan pelajaran mereka di Sekolah Menengah Teknik, agar dapat membuat pemilihan yang lebih berkesan agar segala usaha, masa serta pelaburan yang dibuat dengan wang rakyat dapat dimanfaatkan ke tahap yang optimum. Dengan usaha-usaha positif yang dilakukan, segala yang diharapkan dalam visi wawasan 2020 bagi melahirkan generasi yang berteknologi dan profesional tidak akan menjadi impian dan angan kosong sahaja.

Oleh kerana kajian ini melibatkan Sekolah Menengah Teknik, maka kajian ini juga memberi kepentingan kepada pihak Jabatan Pendidikan Teknikal (JPT) agar dapat mempertingkatkan mutu pendidikan dalam bidang teknikal supaya setaraf dengan bidang yang lain.

Kajian ini dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) supaya dapat membuat pemantauan terhadap sistem dan kurikulum pendidikan yang sedia ada agar sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara. Selain daripada itu, pihak KPM juga boleh mengenalpasti kaedah yang paling sesuai dengan berdasarkan cadangan yang akan dikemukakan dalam mempengaruhi pelajar terhadap pemilihan kursus mereka di Sekolah Menengah Teknik.

7.0 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik (SMT) yang sedang belajar dalam tingkatan empat sesi 2007 dalam jurusan Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. Respondennya terbatas kepada pelajar di tiga buah Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan Darul Khusus iaitu:

- (i) Sekolah Menengah Teknik Tunku Jaafar, Negeri Sembilan
- (ii) Sekolah Menengah Teknik Ampangan, Negeri Sembilan
- (iii) Sekolah Menengah Teknik Port Dickson, Negeri Sembilan

8.0 Metodologi

Kajian yang dijalankan ini adalah bersifat ekspos facto yang mana rekabentuk kajian ini adalah untuk mencari sebab dan akibat. Sampel ditentukan dengan menggunakan kaedah persampelan berlapis. Persampelan jenis ini dipilih bersesuaian dengan keadaan sampel yang terdiri daripada sifat dan ciri-ciri yang berbeza. Sampel kajian adalah daripada sekolah yang berlainan dan sampel bagi setiap sekolah adalah terdiri daripada pelajar tingkatan empat yang mengambil jurusan teknikal iaitu Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah soal selidik. Kaedah instrumen kajian soal selidik merupakan kaedah yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Kajian rintis dijalankan untuk mendapatkan kebolehpercayaan soal selidik dan nilai alpha yang diperolehi adalah 0.8419.

9.0 Dapatan Kajian

9.1 Bahagian A

Merujuk kepada borang soal selidik di bahagian A, beberapa item telah dikemukakan untuk penyelidik mendapatkan latar belakang responden.

9.1.1 Jantina Responden

Jadual 9.1: Taburan bilangan dan peratus responden mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	96	42.7
Perempuan	126	57.3
Jumlah	225	100

Dalam jadual 9.1 diatas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai 225 orang telah dipilih untuk kajian ini dan daripada jumlah tersebut didapati seramai 96 orang dengan peratusan 42.7 peratus terdiri daripada responden lelaki dan 126 orang iaitu dengan peratusan sebanyak 57.3 peratus adalah terdiri daripada responden perempuan.

9.1.2 Tahap Pencapaian Akademik Responden

Bagi tahap pencapaian akademik pelajar, penyelidik telah mengelaskan keputusan peperiksaan pertengahan tahun pelajar mengikut pembahagian markat. Hasil analisis bagi tahap pencapaian akademik responden adalah seperti berikut :

Jadual 9.2 : Taburan responden mengikut tahap bagi pencapaian akademik

Tahap	Frekuensi	Peratus
Rendah	0	0
Sederhana	122	54.2
Tinggi	103	45.8
Jumlah	225	100

Hasil analisis yang dibuat terhadap tahap pencapaian responden, Jadual 9.2 menunjukkan taburan responden mengikut tahap rendah, sederhana, dan tinggi bagi pencapaian akademik. Pada keseluruhannya, responden berada pada tahap sederhana iaitu seramai 122 orang responden dengan peratus 54.2 peratus. manakala responden yang berada pada tahap tinggi adalah seramai 103 orang dengan peratus sebanyak 45.8 peratus. dalam kajian ini, tiada responden yang berada pada tahap yang rendah.

9.2 Bahagian B

Di dalam bahagian B, penyelidik telah menyediakan beberapa item untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus pelajar. Faktor-faktor tersebut adalah faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar. Penyelidik membuat analisis untuk bahagian ini berdasarkan borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden.

9.2.1 Faktor Keluarga

Jadual 9.3 : Taburan responden mengikut tahap bagi faktor keluarga

Tahap	Frekuensi	Peratus
Rendah	1	0.4
Sederhana	21	9.3
Tinggi	203	90.2

Jadual 9.3 menunjukkan taburan responden mengikut tahap rendah, sederhana, dan tinggi bagi faktor keluarga. Diperhatikan seorang pada tahap rendah dengan peratusan 0.4 peratus, seramai 21 orang pada tahap sederhana dengan 9.3 peratus dan seramai 203 orang pada tahap tinggi dengan 90.2 peratus. ini menunjukkan faktor keluarga adalah berada pada tahap yang tinggi.

9.2.2 Faktor Pengaruh Rakan Sebaya

Jadual 9.4 : Taburan responden mengikut tahap bagi faktor pengaruh rakan sebaya

Tahap	Frekuensi	Peratus
Rendah	1	0.4
Sederhana	15	6.7
Tinggi	209	92.9

Jadual 9.4 menunjukkan taburan responden mengikut tahap rendah, sederhana, dan tinggi bagi faktor pengaruh rakan sebaya. Diperhatikan seorang responden adalah pada tahap rendah dengan peratusan 0.4 peratus, seramai 15 orang pada tahap sederhana dengan 6.7 peratus dan seramai 209 orang pada tahap tinggi dengan 92.9 peratus. ini menunjukkan faktor rakan sebaya adalah berada pada tahap yang tinggi.

9.2.3 Faktor Minat Pelajar

Jadual 9.5 : Taburan responden mengikut tahap bagi faktor minat pelajar

Tahap	Frekuensi	Peratus
Rendah	0	0
Sederhana	28	12.1
Tinggi	197	87.9

Jadual 9.5 menunjukkan taburan responden mengikut tahap bagi faktor minat pelajar. Diperhatikan seramai 28 orang pada tahap sederhana iaitu dengan peratusan 12.1 peratus, seramai 197 orang pada tahap tinggi iaitu dengan peratusan 87.9 peratus dan tiada responden yang berada pada tahap rendah. Ini menunjukkan faktor minat pelajar berada pada tahap yang tinggi.

9.3 Bahagian C

Di dalam bahagian C, penyelidik telah menyediakan beberapa item untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di SMT. Penyelidik membuat analisis berdasarkan borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden dalam bahagian C.

9.3.1 Masalah Dalam Penguasaan Bahasa Inggeris

Jadual 9.6 : Taburan responden mengikut tahap bagi masalah dalam penguasaan Bahasa Inggeris

Tahap	Frekuensi	Peratus
Rendah	0	0
Sederhana	35	15.6
Tinggi	190	84.4

Jadual 9.6 menunjukkan taburan responden mengikut tahap bagi masalah dalam penguasaan bahasa inggeris. Diperhatikan seramai 35 orang pada tahap sederhana dengan peratus 15.6 peratus dan seramai 190 orang pada tahap tinggi dengan 84.4 peratus. ini menunjukkan masalah dalam penguasaan Bahasa Inggeris adalah berada pada tahap yang tinggi.

9.3.2 Masalah Dalam Penguasaan Terminologi Kejuruteraan

Jadual 9.7 : Taburan responden mengikut tahap bagi masalah dalam penguasaan terminologi kejuruteraan

Tahap	Frekuensi	Peratus
Rendah	0	0
Sederhana	75	33.3
Tinggi	150	66.7

Jadual 9.7 menunjukkan taburan responden mengikut tahap bagi masalah dalam penguasaan terminologi kejuruteraan. Diperhatikan tiada responden yang berada pada tahap rendah, seramai 75 orang pada tahap sederhana dengan peratus 33.3 peratus dan seramai 150 orang pada tahap tinggi dengan 66.7 peratus. Ini menunjukkan masalah dalam penguasaan terminologi kejuruteraan adalah berada pada tahap yang tinggi.

9.3.3 Masalah Dalam Pengetahuan Sedia Ada Pelajar

Jadual 9.8 : Taburan responden mengikut tahap bagi masalah dalam pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil di Sekolah Menengah Teknik

Tahap	Frekuensi	Peratus
Rendah	0	0
Sederhana	69	30.7
Tinggi	156	69.3

Jadual 9.8 menunjukkan taburan responden mengikut tahap bagi masalah dalam pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil di SMT. Diperhatikan seramai 69 orang pada tahap sederhana dengan peratus 30.7 peratus dan seramai 156 orang pada tahap tinggi dengan 69.3 peratus. Ini menunjukkan masalah dalam pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang di ambil di SMT adalah berada pada tahap yang tinggi.

9.4 Analisis Inferensi

H_0 1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Teknik

Pencapaian akademik pelajar	Signifikan	Pearson, r	Status Hipotesis
Faktor keluarga	0.315	0.067	Diterima
Faktor rakan sebaya	0.362	0.061	Diterima
Faktor minat pelajar	0.087	0.114	Diterima

*Signifikan pada aras keertian 0.05

H₀₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar di Sekolah Menengah Teknik mengikut jantina

Perkara	Ujian-t	Signifikan	Status Hipotesis
Faktor keluarga	-0.679	0.498	Diterima
Faktor rakan sebaya	-0.859	0.391	Diterima
Faktor minat	0.436	0.664	diterima

**Signifikan pada aras keertian 0.05*

H₀₃ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang utama seperti faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor minat pelajar di SMT mengikut kursus

Perkara	F	Signifikan	Status Hipotesis
Faktor keluarga	2.942	0.055	Diterima
Faktor rakan sebaya	4.896	0.008	Ditolak
Faktor minat	3.509	0.032	Ditolak

**Signifikan pada aras keertian 0.05*

H₀₄ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah penguasaan dalam Bahasa Inggeris, masalah penguasaan dalam terminologi kejuruteraan dan masalah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil dengan pencapaian akademik pelajar di SMT

Pencapaian akademik pelajar	Signifikan	Pearson, r	Status Hipotesis
Masalah penguasaan Bahasa Inggeris	0.000	0.254	Diterima
Masalah penguasaan terminologi kejuruteraan	0.096	0.111	Diterima
Masalah pengetahuan sedia ada	0.214	0.083	Diterima

**Signifikan pada aras keertian 0.05*

H₀₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah penguasaan dalam Bahasa Inggeris, masalah penguasaan dalam terminologi kejuruteraan dan masalah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil di SMT mengikut jantina

Perkara	Ujian-t	Signifikan	Status Hipotesis
Masalah penguasaan Bahasa Inggeris	0.147	0.883	Diterima
Masalah Penguasaan Terminologi Kejuruteraan	-1.337	0.182	Diterima
Masalah Pengetahuan Sedia Ada	-1.055	0.292	diterima

**Signifikan pada aras keertian 0.05*

H₀₆ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah penguasaan dalam Bahasa Inggeris, masalah penguasaan dalam terminologi kejuruteraan dan masalah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil di SMT mengikut kursus

Perkara	F	Signifikan	Status Hipotesis
Maslaah Penguasaan Bahasa Inggeris	6.306	0.020	Ditolak
Masalah Penguasaan Terminologi Kejuruteraan	7.617	0.001	Ditolak
Masalah Pengetahuan Sedia Ada	10.525	0.000	Ditolak

**Signifikan pada aras keertian 0.05*

10.0 Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan ini, majoriti responden bersetuju bahawa faktor utama dalam mempengaruhi pemilihan kursus mereka adalah disebabkan oleh faktor pengaruh rakan sebaya. Keputusan kajian ini adalah selaras dengan kajian yang pernah dibuat oleh Radin Khairuddin (1999) terhadap pelajar-pelajar di empat buah Sekolah Menengah Teknik di negeri Johor. Dalam kajian beliau, responden telah bersetuju bahawa pelajar selalu menerima nasihat dan pendapat daripada rakan-rakan sebayanya apabila membuat atau mengambil sesuatu keputusan yang berkaitan dengan diri mereka. Dapatan ini dapat dibuktikan kerana sebilangan besar responden dalam kajian tersebut sering mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan tentang pemilihan bidang kerjaya yang akan mereka ceburi apabila menamatkan alam persekolahan kelak.

Menurut Moktar Mokri (1999), ramai remaja mula mempelajari erti kehidupan bersama rakan sebaya. Dalam pada itu, Sharifah Alwiah (1987) menyatakan bahawa rakan-rakan merupakan pengaruh penting dalam aspirasi pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka dan pencapaian prestasi mereka akan bertambah dengan kadar yang lebih tinggi. Dalam kajian Moktar Mokri (1999) juga mendapati rakan sebaya merupakan faktor yang amat tinggi dalam mempengaruhi pemilihan kursus pelajar. Ini kerana pelajar akan lebih mudah terdorong untuk melakukan perkara yang dilakukan oleh rakannya.

Seterusnya diikuti oleh faktor keluarga dan akhir sekali adalah faktor minat pelajar. Dalam kajian ini juga responden mengakui mereka mendapat galakan daripada ibu bapa semasa membuat pilihan kursus di Sekolah Menengah Teknik.

Selain itu, daripada kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Moktar Mokri (1999) dimana kebanyakan responden telah bersetuju bahawa mereka terpengaruh untuk memilih kursus yang mereka ambil di SMT adalah kerana terdapatnya ahli keluarga mereka yang terlebih dahulu menceburi bidang yang sama sebagai kerjaya mereka. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Ab. Rahim (2000) penglibatan ahli-ahli keluarga mereka di dalam sesuatu bidang itu telah menimbulkan minat sehingga ia telah mempengaruhi responden untuk melanjutkan pelajaran serta menceburkan diri di dalam bidang sama. Ini bermakna pengaruh keluarga mempunyai kesan dan pengaruhnya terhadap pemilihan kursus yang dibuat oleh responden semasa memohon memasuki ke Sekolah Menengah Teknik. Walaupun minat menjadi pendorong utama dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang, tetapi dalam kajian ini penyelidik mendapati faktor minat adalah merupakan faktor yang ketiga selepas faktor pengaruh rakan sebaya dan faktor keluarga. Hasil kajian oleh Mohd Najib (2002), dapatan beliau menunjukkan minat wujud berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan pendedahan yang diterima oleh pelajar dalam masa proses pembelajaran dan juga melalui persekitaran kehidupan yang wujud disekeliling pelajar.

Kemudian penyelidik mendapati tidak terdapat hubungan antara faktor pemilihan kursus pelajar dengan pencapaian akademik. Penyelidik juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor pemilihan kursus pelajar berdasarkan jantina. Tetapi, penyelidik mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor pengaruh rakan sebaya dan faktor minat berdasarkan kursus.

Hasil daripada dapatan kajian ini juga, penyelidik dapat mengkaji masalah yang dihadapi oleh pelajar terhadap kursus yang di ambil di Sekolah Menengah Teknik. Hasilnya majoriti responden bersetuju bahawa masalah utama yang dihadapi oleh pelajar terhadap kursus yang diambil adalah masalah dalam penguasaan Bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian oleh Mohd Puzi (2007) yang mana majoriti respondennya menunjukkan kecenderungan yang negatif terhadap penguasaan Bahasa Inggeris. Menurutnya lagi, masalah ini adalah disebabkan oleh sikap, minat dan persekitaran dalam mempengaruhi penguasaan Bahasa Inggeris pelajar.

Menurut Abdullah Majid (1995) pula, masalah dalam penguasaan Bahasa Inggeris ini adalah dipengaruhi oleh faktor dalam dan luaran. Faktor dalaman adalah dari segi sikap dan minat pelajar itu sendiri. Manakala dari segi faktor luaran pula, pelajar dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Pernyataan ini dikukuhkan lagi oleh Salina Ibrahim (2002) yang menyatakan bahawa penguasaan dalam Bahasa Inggeris harus disokong oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor dalaman antaranya yang berasaskan sikap dan minat serta penerimaan individu terhadap kepentingan mempelajari bahasa tersebut. Dari segi faktor persekitaran pula, kebanyakan responden menggunakan Bahasa Melayu dalam pertuturan seharian dan faktor ini mendorong kepada penerimaan yang negatif terhadap Bahasa Inggeris.

Seterusnya diikuti oleh masalah dalam penguasaan terminologi kejuruteraan dan akhir sekali masalah dalam pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kursus yang diambil. Kebanyakan responden dalam kajian ini mempunyai masalah untuk memahami terminologi-terminologi di dalam kejuruteraan. Ini disebabkan oleh mereka tidak pernah belajar subjek kejuruteraan dan merupakan perkara baru bagi mereka. Penerangan berkaitan subjek di dalam buku teks yang terlalu teknikal menyebabkan pelajar menghadapi masalah dalam memahami terminologi kejuruteraan.

Dalam kajian oleh Wan Mohd Zahid (1999) menyatakan bahawa adalah sukar untuk seseorang pelajar baru bagi sesuatu bidang untuk memahami isi kandungannya dalam masa yang singkat. Penerimaan individu terhadap subjek kejuruteraan juga menjadi pendorong kepada penguasaan yang baik dalam subjek tersebut. Jika pelajar itu bersedia untuk belajar dalam bidang kejuruteraan, maka proses pembelajaran itu akan menjadi lebih mudah. Dalam konteks ini, pelajar perlu mempunyai kesediaan untuk belajar dalam bidang kejuruteraan bagi memudahkan mereka faham apa yang terkandung di dalam isi kandungan bagi subjek Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. guru sangat memainkan peranan dalam membentuk pengetahuan sedia ada pelajar tentang subjek kejuruteraan.

Persediaan awal pelajar sebelum mempelajari sesuatu subjek adalah penting kerana mereka dapat mengetahui serba sedikit tentang apa yang akan dipelajari kelak. Persediaan ini boleh dikaitkan dengan minat seseorang itu terhadap sesuatu pelajaran. Jika seseorang pelajar itu mempunyai minat terhadap sesuatu subjek, maka mereka akan berusaha untuk mendalami terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam kelas. Menurut Shok Mee (1997), minat memainkan peranan yang penting sebagai ejen pendorong dalam mempengaruhi kesediaan belajar seseorang. Kajian ini juga selaras dengan kajian yang pernah di lakukan oleh Mohd Puzi (2007), kesediaan pelajar terhadap sesuatu subjek akan memudahkan penerimaan individu itu untuk belajar. Beliau juga ada menyatakan, kebanyakan respondennya mempunyai masalah dalam pengetahuan sedia ada dan ia mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Kemudian penyelidik mendapati terdapat hubungan antara masalah dalam penguasaan Bahasa Inggeris pelajar dengan pencapaian akademik. Penyelidik juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar terhadap kursus yang di ambil di Sekolah Menengah Teknik berdasarkan jantina. Tetapi, penyelidik mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah dalam penguasaan Bahasa Inggeris berdasarkan kursus.

11.0 Cadangan

Penyelidik ingin memberi beberapa cadangan agar pencapaian pelajar di SMT dapat di pertingkatkan bagi mencapai hasrat dan cita-cita pelajar-pelajar dan juga menyumbang ke arah kemajuan negara dengan melahirkan calon yang cemerlang dalam pelajaran dan berkualiti untuk pembangunan negara.

- a) Oleh kerana dapatan kajian menunjukkan faktor rakan sebaya adalah faktor yang paling tinggi dalam mempengaruhi pemilihan kursus pelajar, maka ibu bapa atau ahli keluarga mestilah mengambil tahu dan mengenalpasti rakan yang rapat dengan anak mereka supaya pergerakan dan aktiviti mereka dapat diketahui. Ini bertujuan untuk mengelak daripada anak mereka bergaul dengan rakan yang melalaikan dan seterusnya memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka.
- b) Dapatan juga mendapati ibubapa atau keluarga merupakan mendorong kepada pemilihan kursus pelajar. Tetapi dorongan yang diberikan mestilah positif yang mana ibubapa hendaklah memberi peluang kepada anak-anak untuk menyatakan pandangan serta pendapat. Jika pendapat mereka rasional, ia hendaklah dipertimbangkan tetapi perlu diberikan nasihat dan pandangan untuk mendorong mereka dalam membuat keputusan. Ibu bapa tidak seharusnya memaksa anak-anak dalam menentukan masa depan mereka.
- c) Walaupun rakan sebaya menjadi pendorong kepada perlakuan dan tindakan, tetapi pelajar juga perlu merujuk kepada orang tua mereka terutamanya dari ahli keluarga agar tindakan yang diambil tidak terburu-buru.
- d) Faktor minat pelajar merupakan faktor yang ketiga dalam mempengaruhi pemilihan kursus. Manakala, faktor ini juga yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Minat memainkan peranan yang sangat penting terhadap tingkah laku seseorang individu. Sesuatu yang hendak dilakukan perlulah bermula daripada minat seseorang. Oleh itu, ibu bapa, guru dan ahli keluarga perlu memupuk minat pelajar terhadap kursus yang mereka ceburi dengan memberi dorongan dalam meningkatkan minat pelajar dan seterusnya daripada minat yang dipupuk itu akhirnya akan menjadikan pelajar itu minat untuk belajar dan pencapaian akademik pelajar juga akan meningkat.
- e) Hasil kajian ini mendapati pelajar-pelajar mempunyai masalah dalam penguasaan Bahasa Inggeris yang tinggi. Oleh yang demikian guru perlu memiankan peranan dalam mewujudkan lebih banyak peluang kepada pelajar untuk memperkayakan penggunaan Bahasa Inggeris semasa proses pembelajaran diadakan.

- f) Susulan daripada masalah dalam penguasaan Bahasa Inggeris pelajar, guru perlu menyedarkan pelajar tentang fungsi bahasa kedua yang sedang diperkasakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Guru juga perlu menunjukkan fungsi struktur bahasa dalam kehidupan seharian dan bukannya menumpukan kepada pengajaran semata-mata. Oleh itu guru perlu menggalakkan pelajar supaya banyak merujuk kepada buku teknikal dalam Bahasa Inggeris.
- g) Bagi meningkatkan penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris, guru perlu menggalakkan pelajar supaya banyak menggunakan Bahasa Inggeris terutamanya dalam menjana pemikiran. Ini kerana menurut Pei (1966) bahasa bermula dengan pemikiran. Dengan ini pemikiran pelajar dalam Bahasa Inggeris akan berkembang. Oleh itu guru perlu membentuk satu budaya bagi menarik minat pelajar untuk menguasai Bahasa Inggeris.
- h) Dalam masa yang sama, pelajar yang mempunyai masalah dalam penguasaan terminologi kejuruteraan perlu diberi perhatian. Kerana terminologi perlu dikuasai dengan baik untuk memudahkan pelajar memahami apa yang mereka pelajari tentang kejuruteraan. Tugas ini perlu dipikul oleh guru yang mengajar subjek terbabit, guru perlu memberikan banyak contoh semasa menerangkan maksud-maksud terminologi kejuruteraan. Pengukuhan dari semasa ke semasa perlu bagi langkah pemantauan terhadap perkembangan pelajar dalam penguasaan terminologi kejuruteraan.

12.0 Kesimpulan

Berdasarkan kepada segala perbincangan yang telah diterangkan, diharapkan hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada para pelajar serta ibubapa dapat memberi perhatian yang sewajarnya dalam pemilihan kursus anak-anak dalam menjamin masa depan yang cemerlang. Ini kerana permulaan ini akan membentuk kerjaya mereka kelak dan ibubapa juga perlu prihatin terhadap perkembangan anak-anak dalam pembelajaran mereka terutama dalam era yang menuju ke era globalisasi di mana Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik perlu bagi individu untuk maju terus ke hadapan. Ini dapat menjamin masa depan negara yang cerah dengan adanya generasi pelapis yang berpotensi untuk berjaya dalam memajukan diri.

BIBLIOGRAFI

- Abu Zahari Abu Bakar (1987). *Memahami Psikologi Pembangunan Jasmani*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azizi Yahya (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research activities*. Educational and Psychological Measurement. **30**. 607-610
- Radin Khairuddin Mohammad (1999). *Faktor pemilihan bidang serta pencapaian prestasi pelajar di sekolah menengah teknik*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Robiah Sidin (1994). *Pemikiran dalam Pendidikan*. Shah Alam : Penerbitan Fajar Bakti. Rozali bin Haron (2003).
- Salina Ibrahim (2002). “ *Persekitaran dan Motivasi – Bantu penguasaan bahasa Inggeris.*” Fokus. Setsuko
- Shahril Marzuki (1993). *Cabaran-Cabaran Dalam Pendidikan Vokasional Dan Teknik Bagi Memenuhi Permintaan Sumber Tenaga Manusia Untuk Mencapai Matlamat Wawasan 2020*. Majalah, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Sharifah Alwiyah Alsagoff (1987). *Psikologi Pendidikan I. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Logman Malaysia Sdn. Bhd.
- Tuckman W.B. (1978). “*Conducting Educational Research*”. New York: Harcourt Bruce Javanovich.
- Wahid Hashim (2007). *Pendidikan Masa Kini – Ke Arah Melahirkan Generasi Berkualiti*. Jurnal Guru 16 Mei 2007. 426-436.
- Wan Mohd Zahid (1999). *Persepsi pelajar wanita terhadap faktor-faktor dalam pemilihan kursus kejuruteraan awam di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Wiersma, W (1991). " *Research Method In Education: An Introduction* ". 5th Edition. Boston : Ally & Bacon.
- Yahya Emat (1993) "*Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia*". Petaling Jaya IBS Buku.
- Zuraidah Binti Alias (2006). *Faktor-Faktor Yang Mendorong Pelajar Dalam Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah : Satu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Guntong Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Manir, Kuala Terengganu, Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.